

26 JUL 2003

Abdullah-PKPM

POLIS LAKUKAN SIASATAN KOMPREHENSIF, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata polis akan melakukan siasatan yang komprehensif terhadap kegiatan pertubuhan haram Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata setakat ini maklumat yang diperolehi tidak menunjukkan pertubuhan itu mempunyai kaitan dengan mana-mana kumpulan yang telah dikesan cuba mengancam keselamatan negara.

"Siasatan masih diteruskan dari aspek jenayah dan juga dari aspek sekuriti, keselamatan, oleh Cawangan Khas dan CID (Jabatan Siasatan Jenayah), dan mereka akan buat laporan kepada saya kemudian," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis pelancaran Gerakan Daya Wawasan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan akhbar hari ini yang menyebut antara lain polis sedang memburu 8,000 anggota pertubuhan itu selepas 23 orang termasuk ketuanya diberkas Khamis lepas.

Ditanya mengenai usaha polis itu, Abdullah berkata adalah baik bagi anggota PKPM menyerah diri secara sukarela kerana tindakan mereka menyertai pertubuhan itu jelas bertentangan dengan undang-undang.

"Ahli-ahli dia yang dah tahu apa yang dia telah lakukan itu satu kesalahan jenayah patut tinggalkan gerakan itu yang tidak membawa kebaikan kepada negara kita," katanya.

Mengulas perkara sama, Dr Mahathir berkata: "Negara ini pun ada orang gila dan mungkin mereka ini terpengaruh dengan macam-macam benda karut, jadi dia buat la benda macam tu...Saya ingat gila la, dia nak boleh jatuhkan (kerajaan), dia nak jadi Perdana Menteri dengan menubuhkan Pasukan Khas sendiri."

Kumpulan itu disyaki telah menipu dan memperdayakan lebih 8,000 orang yang kebanyakannya ahli perniagaan untuk menganggotainya.

Mangsa dikatakan telah ditawarkan sistem pangkat dalam tentera seperti Leftenan Muda, Leftenan dan Kapten dalam pasukan itu dengan kadar bayaran antara RM8,000 dan RM100,000.

Sebuah akhbar turut melaporkan pihak polis sedang mencari orang kanan pertubuhan itu yang dipercayai seorang jutawan dan laporan itu juga menyebut polis percaya pertubuhan itu berhasrat untuk menumbangkan kerajaan dan menubuhkan kerajaan sendiri dengan perancang utamanya berhasrat menjadi Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NM AZZ MOZ